

BORANG PERMOHONAN BIASISWA SEPARA

KRITERIA

1. Permohonan Skim Biasiswa Separat Yayasan GAB hanya dibuka kepada warga Malaysia yang akan memasuki tahun pertama atau sedang menuntut di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf dalam kursus pengajian yang diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah.
2. Pemohon mesti mendapat keputusan akademik yang baik dalam peperiksaan SPM / SPVM / 'O' Level / UEC / Diploma / Matrikulasi / STPM / 'A' Level atau memiliki sebarang kelayakan lain yang setaraf.
3. Pemohon mesti mempunyai motivasi dan nilai kepimpinan yang baik.
4. Pemohon mesti layak untuk menerima bantuan kewangan.
5. Pemohon mesti mematuhi terma dan syarat Skim Biasiswa Separat Yayasan GAB.

TERMA DAN SYARAT

1. Biasiswa adalah berjumlah:
 - RM10,000 setahun bagi setiap pemohon yang berjaya untuk mengikuti kursus pengajian ijazah;
 - RM5,000 setahun bagi setiap pemohon yang berjaya untuk mengikuti kursus pengajian diploma atau diploma lanjutan; dan
 - RM3,000 setahun bagi pemohon yang berjaya untuk mengikuti kursus pensijilan.
2. Biasiswa adalah untuk tempoh kursus penuh (maksimum 4 tahun) dan tidak akan dilanjutkan dan TIDAK meliputi sebarang yuran ulang pengajian/rujukan atau pendaftaran semula dan/atau perbelanjaan sara hidup.
3. Semua biasiswa akan diberi berasaskan merit tanpa mengira bangsa dan/atau agama.
4. Keputusan Yayasan GAB berhubung segala perkara berkaitan biasiswa adalah muktamad dan terikat. Surat-menyurat tidak akan dilayani.
5. Sumbangan karangan hendaklah kerja sebenar pemohon. Jika tidak ditepati, Yayasan GAB berhak menarik balik biasiswa tersebut pada bila-bila masa.
6. Pemohon yang berjaya hendaklah menandatangani surat tawaran biasiswa, borang penerimaan dan/atau dokumen lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Yayasan GAB.

SENARAI SEMAK PERMOHONAN

1. Dokumen berikut hendaklah dikemukakan bersama borang permohonan ini :
 - salinan Kad Pengenalan baru (depan dan belakang) Pemohon/Ibu Bapa/Penjaga/Pasangan yang disahkan benar.
 - salinan sijil peperiksaan (SPM, SPVM, STPM, Matrikulasi dan sebagainya), transkrip akademik dan surat perakuan yang disahkan benar.
 - salinan sijil aktiviti kokurikulum dan sijil anugerah lain atau pencapaian yang disahkan benar.
 - bukti pendapatan Ibu Bapa/Penjaga/Pasangan (iaitu Borang Cukai Pendapatan/Borang J terbaru, slip gaji 2 bulan /kad pencen dan surat tawaran pekerjaan) yang disahkan benar.
 - gambar terbaru saiz pasport.
 - surat kemasukan / surat tawaran / sijil pendaftaran daripada Institusi Pengajian Tinggi (apabila diperolehi).
2. Sila kembalikan borang permohonan yang diisi dengan lengkap bersama dokumen sokongan yang dikehendaki kepada:

SKIM BIASISWA SEPARA YAYASAN GAB
Lot 1135, Batu 9
Jalan Klang Lama
46710 Petaling Jaya

3. Permohonan mesti diterima pada atau sebelum **27^{hb} Februari 2009**. Permohonan yang lewat dan tidak lengkap tidak akan dilayan. Hanya pemohon yang disenarai pendek akan dimaklumkan.

ANUGERAH AKADEMIK & KEWANGAN (seperti HADIAH BUKU, BIASISWA)

Adakah anda ditawarkan bantuan kewangan atau lain-lain daripada mana-mana Organisasi / Institusi / Yayasan / Kerajaan sebelum ini? Jika ya, sila nyatakan :

Nama Organisasi	Jenis Anugerah	Nilai Anugerah / Geran (RM)	Tempoh		Tempoh Bantuan
			Tarikh permulaan (hari/bulan/tahun)	Tarikh dijangka tamat (hari/bulan/tahun)	

Adakah anda kini terikat dengan sebarang perjanjian biasiswa? Ya / Tidak
Jika ya, sila lampirkan salinan kontrak ditandatangani yang disahkan benar.

KELAYAKAN / PENCAPAIAN BUKAN AKADEMIK

BUTIR-BUTIR AKTIVITI KOKURIKULUM (Anda boleh gunakan kertas berasingan)

Jenis aktiviti :

Jawatan yang dipegang :

Pencapaian :

Tahun :

Mewakili sekolah/universiti/kolej/daerah/negara :

Butir-butir Anugerah Khas, jika ada :

* Sila lampirkan salinan sijil /atau sebarang dokumen sokongan lain yang disahkan benar.

PENGALAMAN KERJA (jika ada)

Nama dan No. hubungan Majikan	Tempoh		Jawatan	Gaji akhir	Butir-butir tanggungjawab
	Dari (hari/bulan/tahun)	Hingga (hari/bulan/tahun)			

* Sila lampirkan salinan dokumen / surat perakuan sokongan yang disahkan benar.

LATAR BELAKANG KELUARGA

Jumlah Pendapatan Kasar Bulanan Keluarga (RM)			
Bilangan Tanggungan – termasuk pemohon			
	Bapa	Ibu	Penjaga
Nama (seperti dalam K.P. baru):			
No. K.P. (baru):			
Pekerjaan (jika sudah meninggal, nyatakan):			
Nama dan alamat Majikan :			
Pendapatan / Pencen bulanan (RM) :			
No. Tel. Rumah :			
No. Tel. Bimbit :			

Nama Adik-Beradik	Hubungan	Status Perkahwinan	Umur	Pekerjaan (<i>jika bersekolah atau bekerja, nyatakan nama dan alamat sekolah atau majikan</i>)	Pendapatan Bulanan (RM)

Butir-Butir Pasangan (untuk pemohon yang sudah berkahwin sahaja)	
Nama (seperti dalam K.P baru) :	
No. K.P. (baru) :	
Pekerjaan (jika sudah meninggal, nyatakan) :	
Nama dan alamat Majikan :	
Pendapatan / Pencen bulanan (RM) :	
No. Tel. Rumah :	
No. Tel. Bimbit :	

**Sila lampirkan Borang Cukai Pendapatan / Borang J dan Slip Gaji / Kad Pencen / Ibu Bapa / Penjaga / Pasangan bersama salinan K.P. baru yang disahkan benar.*

Adakah ahli keluarga terdekat anda bekerja dengan GAB? Ya / Tidak
Jika ya, sila nyatakan nama dan jawatan mereka:

PENYOKONG

Nama :	Nama :
Alamat :	Alamat :
Pekerjaan :	Pekerjaan :
No. Telefon :	No. Telefon :
Hubungan :	Hubungan :
Tempoh kenal: (tahun)	Tempoh kenal: (tahun)

PERKARA LAIN

Nyatakan sebarang minat, aktiviti atau pencapaian bukan akademik.

Hobi :

Cita-Cita :

Pernahkah anda disabitkan dengan sebarang kesalahan jenayah di Malaysia atau negara lain? Ya / Tidak
Jika ya, sila nyatakan butir-butirnya:

SUMBANGAN KARANGAN

Sila tulis karangan pendek menggunakan tidak lebih daripada 1000 perkataan berkaitan topik di bawah. Sila gunakan kertas tambahan jika perlu. (Karangan hendaklah kerja sebenar pemohon).

Di mana anda melihat diri anda dalam masa 10 tahun?

AKUAN PEMOHON

Saya, (*nama dan No. K.P. baru*) dengan ini mengakui bahawa semua maklumat yang saya berikan berhubung dengan permohonan ini adalah benar dan betul.

Saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami terma dan syarat yang dinyatakan di atas dan bahawa setiap dan segala maklumat yang saya berikan dalam borang ini adalah lengkap, benar dan betul. Saya tahu bahawa biasiswa saya boleh dipinda, diubah dan/atau ditarik balik sepenuhnya atau sebahagiannya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis dan tanpa sebarang liabiliti ke atas saya pada sebarang peringkat kursus pengajian saya jika saya tersilap memberikan sebarang butiran di atas atau jika terdapat sebarang butiran yang tertinggal. Dalam keadaan sedemikian, saya sedar bahawa Yayasan GAB boleh mengambil tindakan sedemikian ke atas saya dan/atau penjamin saya termasuk menamatkan sebarang manfaat yang diberikan kepada saya dan mendapatkan semula sebarang manfaat yang telah diberikan kepada saya dan segala kos hendaklah ditanggung oleh saya dan/atau penjamin saya (jika ada). Kegagalan untuk menyumbang, meneruskan atau penamatan, penggantungan atau variasi bukan tanggungjawab Yayasan GAB dan saya dengan ini bersetuju untuk menafikan sebarang hak untuk mengambil tindakan ke atas Yayasan GAB.

Saya faham bahawa saya mungkin dikehendaki menandatangani surat perjanjian biasiswa dan mengemukakan penjamin atau satu bentuk jaminan yang sesuai yang mungkin dikehendaki untuk menyempurnakan dan menandatangani sebarang dokumen sebelum sebarang biasiswa diberikan kepada saya.

Saya dengan ini memberi kebenaran kepada Yayasan GAB untuk mendapatkan rekod rasmi berkaitan saya dan sebarang maklumat lain yang berkaitan tentang saya, termasuk butir-butir rekod akademik, keputusan peperiksaan dan kehadiran saya daripada mana-mana institusi pendidikan yang saya senaraikan dalam permohonan biasiswa saya dan berhubung sebarang manfaat biasiswa yang dibayar kepada saya sebagaimana yang dianggap sesuai. Walau apa pun yang dinyatakan sebelum ini, saya berjanji untuk memberikan dokumen dan/atau maklumat tambahan jika dan bila diperlukan oleh Yayasan GAB. Yayasan GAB boleh menggunakan segala maklumat termasuk data peribadi saya untuk tujuan yang ada kaitan dengan Skim Biasiswa Yayasan GAB, termasuk menyiarkan Skim Biasiswa Separa Yayasan GAB dalam media.

Saya bersetuju untuk mematuhi segala terma dan syarat Skim Biasiswa Separa Yayasan GAB yang mungkin dipinda dari masa ke masa selaras dengan terma dan syarat Institusi Pengajian Tinggi. Saya sedar bahawa sebarang maklumat palsu atau mengelirukan atau tidak tepat yang diberikan boleh menyebabkan kelayakan saya dibatalkan sekalipun jika saya diterima untuk Skim Biasiswa Separa Yayasan GAB. Tindakan yang sama akan diambil jika terdapat sebarang maklumat yang dengan sengaja tidak diberikan atau ditinggalkan. Yayasan GAB tidak bertanggungjawab terhadap kes sedemikian.

.....
Tandatangan Pemohon

.....
Tarikh